

LIHAT PENDERITAAN ALAM
Utusan Malaysia, 19 December 2008

Amaran oleh Syabas tentang ancaman empangan yang bakal pecah sekiranya kegiatan pembangunan di sekelilingnya tidak dihentikan segera sememangnya menakutkan. Sekiranya amaran ini tidak diendahkan, berkemungkinan besar Malaysia yang makmur dan maju sekarang ini akan menjadi tamadun pupus sebagaimana yang telah berlaku kepada tamadun Saba' di Yaman suatu masa dahulu. Kegemilangan dan kejatuhan tamadun Saba' yang bergantung kepada empangan Ma'rabnya ternyata disebut secara spesifik oleh al-Quran sebagai pengajaran kepada umat manusia akan pentingnya pengurusan yang baik terhadap nikmat kurniaan Allah dalam kerangka agama dan taqwa.

*Firman Allah: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun!. **Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur. (Saba'[34.15-17])***

Kaum Saba' yang telah mencapai kemuncak kemewahan telah mengingkari perintah Allah yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan tamadun mereka oleh bencana alam. Fenomena yang sama sudah kelihatan di Malaysia apabila adanya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab membangun kawasan sensitif sebegini untuk kepentingan mereka. Keingkaran mereka kepada Sunnah Allah, arahan pihak berkuasa dan hak alam sekitar pastinya akan mengundang padah yang sama sepertimana yang telah berlaku kepada kaum Saba'.

Islam sebagai sebuah agama yang sempurna mencakupi segala aspek hidup manusia di muka bumi telah menggariskan semua prinsip hidup yang perlu diikuti termasuklah cara untuk berinteraksi dengan alam yang dianugerahkan sebagai tempat tinggal kepada manusia (al-A'raf [7:10,24-25]). Sekiranya prinsip interaksi dengan alam sekitar tidak dipatuhi, sudah pasti alam akan memberontak dan menyusahkan kembali hidup manusia. Umpamanya sebuah kereta baru yang digunakan tanpa merujuk kepada manual atau buku panduan syarikat pengeluar, jangka hayat kereta tersebut akan menjadi singkat dan senang rosak. Begitulah juga keadaannya dengan penggunaan alam sekitar.

Kerakusan manusia sememangnya merupakan punca utama berlakunya kerosakan di muka bumi ini. Sikap tamak mengaut keuntungan secara melampau sehingga melanggar sunnah Allah di muka bumi telah menyebabkan alam menderita kesakitan. Penderitaan alam itu pula akan turut menjejaskan kehidupan manusia. Lihat sahaja peristiwa runtuhannya yang berlaku di Taman Bukit Mewah, Hulu Klang minggu lepas. Ini bertepatan dengan firman Allah; *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan*

mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (al-Rum[30.41])

Al-Quran sudah sekian lama mengingatkan manusia tentang peri pentingnya menjaga kestabilan alam dengan tidak melampaui batas di dalam menerokanya. Janganlah kerana terlalu inginkan keindahan panorama bukit, lalu bukit bukau dan gunung ganang yang merupakan pasak bumi ditarah dan digondolkan. Perhatikanlah ayat-ayat ini untuk menyedarkan kita tentang fungsi sebenar bukit bukau kepada alam sekitar;

- *Dan Ia mengadakan di bumi **gunung-ganang yang menetapnya supaya ia tidak menghayun-hayunkan kamu**; dan Ia mengadakan sungai-sungai serta jalan-jalan lalu lalang, supaya kamu dapat sampai ke matlamat yang kamu tuju. (al-Nahl[16.15])*
- *Dan Kami telah jadikan di bumi: **gunung-ganang yang menetapnya, yang tinggi menjulang**; dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga? (al-Mursalat[77.27])*
- *Dan Kami telah menjadikan di bumi **gunung-ganang yang kukuh, supaya bumi itu tidak menggegarkan mereka**; dan Kami jadikan padanya celah-celah sebagai jalan-jalan lalu lalang, supaya mereka dapat sampai kepada mencapai keperluan rohani dan jasmani. (al-Anbiya'[21.31])*
- *Ia menciptakan langit dengan tidak bertiang sebagaimana yang kamu melihatnya; dan Ia meletakkan di (permukaan) bumi **gunung-ganang supaya bumi itu tidak menggoyangkan kamu**; dan Ia biakkan padanya berbagai jenis binatang. Dan Kami menurunkan hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan di bumi berbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat (Luqman[31.10])*
- ***Dan (Kami Jadikan) gunung-ganang sebagai pancang pasaknya?** (al-Naba'[78.7])*

Mendiami bumi tuhan bukan hanya membangunkan bangunan-bangunan untuk didiami, tetapi adalah dengan menjaga keharmonian serta kestabilannya dengan pengisian ilmu, iman dan taqwa kepada Allah. Apa yang menyedihkan walaupun sudah diberikan panduan oleh al-Quran tentang kepentingan menjaga alam semenjak sekian lama, namun nampaknya orang bukan Islam di negara bukan Islam yang tidak mendapat bimbingan al-Quran lebih memahami dan terkehadapan di dalam menjaga kesihatan alam sekitar. Jangan sampai kita mewariskan bumi Malaysia yang bertuah ini kepada generasi anak cucu kita di dalam keadaan sakit, tenat, gondol dan penuh kemusnahan kerana kerakusan segelintir daripada kita. Jangan sampai anak cucu kita kelak akan meludah di kuburan kira kerana legasi peninggalan bumi yang sudah kita rosakkan. Fikirkanlah.

ABDULLAH BUKHARI BIN ABDUL RAHIM AL-HAFIZ

abdullahbukhari.blogspot.com

I/C: 750628-03-5341

PENSYARAH

JABATAN TILAWAH AL-QURAN

PUSAT BAHASA

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

TEL: 019-2202360

ALAMAT SURAT MENYURAT:

45 JALAN SM 1/1

SELAYANG MULIA

BANDAR BARU SELAYANG FASA 2

68100 BATU CAVES

SELANGOR